

Laporan Pengarah

Dengan sukacitanya para Pengarah membentangkan laporan mereka kepada ahli-ahli berserta penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2004.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama syarikat merangkumi pengunderaitan semua kelas perniagaan insurans am.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dan sebuah syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 3 pada penyata-penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara yang berlaku terhadap kegiatan-kegiatan ini sepanjang tahun berkenaan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	KUMPULAN	SYARIKAT
	RM'000	RM'000
Keuntungan bersih pada tahun kewangan	50,171	50,188

DIVIDEN

Dividen dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Mac 2003 ialah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2003, seperti tertera di dalam laporan Pengarah tahun berkenaan, dividen akhir sebanyak 4 sen sesaham, selepas ditolak cukai pendapatan 28%, dibayar pada 29 Julai 2003	2,880
Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2004, dividen sementara sebanyak 3 sen sesaham, selepas ditolak cukai pendapatan 28%, dibayar pada 21 November 2003	2,160

Para Pengarah mencadangkan pembayaran dividen akhir bebas cukai sebanyak 22 sen sesaham, berjumlah sebanyak RM22,000,000, bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 yang bergantung kepada persetujuan ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini dinyatakan di dalam nota-nota kepada penyata-penyata kewangan.

PERUNTUKAN BAGI TUNTUTAN YANG BELUM DISELESAIKAN

Sebelum Penyata-penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menentukan terdapat peruntukan yang mencukupi untuk sebarang tuntutan termasuk tuntutan Ditanggung Tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR").

HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum Penyata-penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya berhubung tindakan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan elaun hutang ragu manakala semua hutang lapuk yang dikenal pasti telah dihapuskan dan menyediakan elaun mencukupi untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang kemungkinan yang boleh mengakibatkan jumlah penghapusan hutang lapuk atau jumlah elaun hutang ragu di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi.

Laporan Pengarah (sambungan)

ASET SEMASA

Sebelum Penyata-penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menentukan sebarang aset semasa yang tidak mungkin diperolehi dalam urusan biasa, nilai aset berkenaan seperti tertera dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan kepada suatu jumlah yang dijangka mampu dicapai.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang kemungkinan yang boleh mengakibatkan nilai aset semasa di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang kemungkinan yang boleh mengakibatkan kaedah sedia ada dalam penilaian harta atau tanggungan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau kurang sesuai.

PERKARA LUAR BIASA JANGKAAN DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (a) sebarang caj ke atas harta Kumpulan dan Syarikat sejak akhir tahun berkenaan yang menjamin liabiliti sesiapa sahaja, atau
- (b) sebarang liabiliti bersyarat bagi Kumpulan dan Syarikat sejak akhir tahun berkenaan.

Tiada liabiliti bersyarat atau lain-lain liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun berkenaan yang mana menurut pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab mereka apabila tiba waktunya.

Untuk tujuan perenggan ini, liabiliti bersyarat atau lain-lain liabiliti tidak termasuk liabiliti yang wujud daripada kontrak-kontrak penaja jaminan insurans dalam urusan biasa Kumpulan dan Syarikat.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang kemungkinan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang boleh mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata-penyata kewangan berkenaan mengelirukan.

PERKARA-PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berkenaan tidak begitu terjejas oleh sebarang perkara, urusan atau kejadian penting dan luar biasa, kecuali perubahan dalam polisi perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 27 pada penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah, tiada sebarang perkara, urusan atau kejadian penting dan luar biasa yang berlaku dalam tempoh antara tarikh akhir tahun berkenaan dan tarikh laporan ini yang mungkin banyak menjejaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun ketika laporan ini disediakan.

MODAL SAHAM

Tiada sebarang saham baru yang dikeluarkan oleh Syarikat sepanjang tahun berkenaan.

PENTADBIRAN KORPORAT

Pematuhan Bank Negara Malaysia JPI/GPI 25:

Rangka Urus Tadbir Korporat Berhemat bagi Penanggung Insurans

Syarikat telah mematuhi cadangan rangka kerja pentadbiran korporat Bank Negara Malaysia ("BNM") dan komited untuk memastikan pentadbiran korporat yang baik diamalkan setiap masa.

Syarikat telah mematuhi segala keperluan ketetapan dan melaksanakan amalan pengurusan yang selaras dengan prinsip-prinsip amalan terbaik dan preskriptif seperti yang ditetapkan dalam BNM JPI/GPI 25 berkenaan Rangka Urus Tadbir Korporat Penanggung Insurans dan Pekeliling JPI 13/2003 berkenaan Piawaian Pentadbiran Korporat.

Laporan Pengarah (sambungan)

PENTADBIRAN KORPORAT (sambungan)

Pematuhan Bank Negara Malaysia JPI/GPI 25:

Rangka Urus Tadbir Korporat Berhemat bagi Penanggung Insurans (sambungan)

Ahli Lembaga Pengarah (Lembaga) komited dalam memastikan piawaian tertinggi pentadbiran korporat dilaksanakan di seluruh Syarikat sebagai satu bahagian penting untuk melaksanakan tanggungjawabnya bagi mencapai matlamat pentadbiran termasuk melindungi, memaksimumkan nilai pemegang saham dan menjaga pelbagai kepentingan (stakeholders).

Tanggungjawab Lembaga

Pihak Lembaga menetapkan hala tuju strategik perniagaan Syarikat. Ia mengawasi perniagaan dan urusan Syarikat, dan proses-proses bagi menilai kecukupan kawalan dalaman dan pelaporan kewangan.

Secara khusus, tanggungjawab utama yang ditetapkan ke atas Lembaga Pengarah adalah konsisten dengan Garis Panduan BNM JPI/GPI-1 Garis Panduan Berhubung Tugas dan Tanggungjawab Pengarah dan Ketua Eksekutif Penanggung Insurans seperti berikut:

- (a) Memilih dan melantik pegawai eksekutif kanan yang layak dan cekap untuk mentadbir perniagaan insurans dengan lancar dan berkesan;
- (b) Menjaga integriti dan kredibiliti para pengeluar insurans;
- (c) Mewujudkan Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada beberapa Pengarah bukan eksekutif;
- (d) Menubuhkan Unit/Jabatan Audit Dalaman, dengan kakitangan audit dalaman yang berkelayakan;
- (e) Menyelia urusan penanggung insurans dengan berkesan untuk memastikan pengurusan sihat;
- (f) Mengambil guna dan mematuhi polisi-polisi dan objektif-objektif yang telah dipertimbangkan sepenuhnya dengan sempurna;
- (g) Bertindak secara jujur demi manfaat Syarikat dan mengelakkan amalan mementingkan diri sendiri dan konflik kepentingan;
- (h) Dimaklumkan secara kerap tentang syarat perniagaan dan polisi pengurusan pengeluar insurans;
- (i) Meninjau semua undang-undang dan peraturan sebagai sebahagian daripada tugas kanun; dan
- (j) Memastikan bahawa semua pengeluar insurans mempunyai pengaruh bermanfaat atas ekonomi Negara.

Aktiviti Lembaga Pengarah

Pihak Lembaga kini terdiri daripada sembilan (9) Pengarah yang memiliki pengalaman dan kemahiran yang luas. Terdapat keseimbangan di dalam pihak Lembaga yang diwakili oleh kehadiran seorang (1) Pengarah eksekutif, dua (2) Pengarah bebas bukan-eksekutif dan enam (6) Pengarah bukan-eksekutif di mana kebolehan, kemahiran dan dengan pengalaman luas dalam bidang korporat bagi memastikan bahawa strategi-strategi yang dicadangkan oleh pihak pengurusan eksekutif dibincang dan ditinjau secara menyeluruh, di samping mengambil kira kepentingan jangka panjang para pemegang saham. Tiada individu atau kumpulan individu boleh menguasai proses membuat keputusan Lembaga Pengarah. Pengarah eksekutif, Pengarah bukan-eksekutif dan Pengarah bebas bukan-eksekutif tidak memegang jawatan pengarah melebihi had maksimum yang ditentukan. Sepanjang tahun berkenaan, pihak Lembaga mengadakan perjumpaan sebanyak enam (6) kali.

Semua Pengarah membuat penelitian terhadap laporan pihak Lembaga sebelum mesyuarat Lembaga berkenaan. Laporan tersebut dikeluarkan dalam tempoh yang mencukupi bagi membolehkan para Pengarah mendapatkan penjelasan lanjut, berdasarkan keperluan, untuk diberi penerangan sewajarnya sebelum mesyuarat.

Sebagai tambahan, Lembaga akan menentukan perkara-perkara yang diperuntukkan khusus untuk keputusan pihak Lembaga, termasuk persetujuan terhadap rancangan dan belanjawan korporat, pengambilalihan dan pelupusan aset-aset yang penting kepada Syarikat, pelaburan-pelaburan utama, perubahan-perubahan terhadap pengurusan dan struktur kawalan Syarikat termasuk polisi-polisi utama, prosedur-prosedur dan batasan pihak berkuasa.

Lembaga Pengarah telah meluluskan penerimaan pelbagai terma rujukan agar para Pengarah dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing sejajar dengan Pekeliling BNM JPI:13/2003 berkenaan keperluan Piawaian Pentadbiran Korporat, iaitu Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Laporan Pengarah (sambungan)

Aktiviti Lembaga Pengarah (sambungan)

Lembaga Pengarah juga telah menerima polisi bagi program induksi dan pendidikan untuk para Pengarah. Program ini bertujuan untuk menyalurkan maklumat penting dan senarai menyeluruh maklumat lain kepada Pengarah baru untuk membiasakannya dengan keperluan peraturan industri insurans yang berkaitan dan ciri-ciri perniagaan Syarikat. Para Pengarah juga boleh memohon nasihat profesional bebas, dengan pembiayaan Syarikat.

Para Pengarah mempunyai akses bebas kepada setiausaha Syarikat yang membantu dan memastikan Lembaga Pengarah telah menilai peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

Untuk melaksanakan tugas-tugasnya, Lembaga Pengarah memperuntukkan tanggungjawab khusus kepada tujuh (7) Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- (a) Jawatankuasa Audit
- (b) Jawatankuasa Pencalonan
- (c) Jawatankuasa Ganjaran
- (d) Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- (e) Jawatankuasa Eksekutif
- (f) Jawatankuasa Tuntutan dan Pengunderaitan
- (g) Jawatankuasa Pelaburan

Semua Jawatankuasa di atas mempunyai kuasa untuk menyelidik isu-isu berkaitan dan melaporkannya semula kepada Lembaga Pengarah bersama cadangan mereka. Tanggungjawab utama memberi keputusan muktamad terpulung kepada Lembaga Pengarah.

Ahli-ahli

Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh Sulong*
Dato' Maznah Abdul Jalil**
David Chan Mun Wai
Dato' Mohd. Nor Mohamad
Lawrence Pereira
Datuk Abdul Shukor Hassan
Cheah Yoke Phow
George Isac Pereire
Chan Kok Seong
Hashim Harun

Status Pengarah

Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bebas bukan-eksekutif
Pengarah bebas bukan-eksekutif
Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah eksekutif

* Meletak jawatan sebagai Pengerusi berkesan pada 4 September 2003

** Dato' Maznah Abdul Jalil telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah disebabkan oleh perletakan jawatan Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh Sulong

Bilangan mesyuarat dan kehadiran para Pengarah bagi tahun berkenaan adalah seperti berikut:

Ahli-ahli

	Bilangan Mesyuarat Lembaga	
	Diadakan	Dihadiri
Dato' Maznah Abdul Jalil*	6	6
David Chan Mun Wai	6	5
Dato' Mohd. Nor Mohamad	6	6
Lawrence Pereira	6	6
Datuk Abdul Shukor Hassan	6	6
Cheah Yoke Phow	6	6
George Isac Pereire	6	6
Chan Kok Seong	6	5
Hashim Harun	6	6

* Pengerusi

Laporan Pengarah (sambungan)

Pakej Ganjaran Pengarah

Butir-butir terperinci setiap elemen utama ganjaran bagi setiap Pengarah dalam tahun tinjauan adalah seperti berikut:

<u>Pakej Ganjaran Pengarah</u>	<u>RM</u>
Pengerusi Lembaga Pengarah	35,000
Pengerusi Jawatankuasa	30,000
Ahli-ahli Jawatankuasa	25,000
Para Pengarah	20,000
<u>Elaun Mesyuarat untuk Pengarah Bukan Eksekutif</u>	
Pengerusi Lembaga Pengarah / Jawatankuasa	500
Ahli-ahli Lembaga Pengarah / Jawatankuasa	400

Pemilihan semula

Berdasarkan Artikel Syarikat dan Persatuan, semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga adalah tertakluk kepada pemilihan oleh para pemegang saham pada kesempatan pertama selepas pelantikan mereka. Artikel berkenaan juga menyatakan bahawa sekurang-kurangnya satu pertiga daripada bilangan para Pengarah selebihnya, tertakluk kepada pemilihan semula secara giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun.

Pemohonan perlantikan semula Pengarah mesti dihantar ke BNM tidak lewat daripada 3 bulan dari tarikh tamat tempoh yang ditetapkan dalam Pekeliling BNM JPI21/2003 berkenaan 'Perlantikan Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif oleh Pemegang Lesen/Pengawal Penanggung Insurans'.

Buku Panduan Pengarah

Berpandukan Prinsip 4 BNM JPI/GPI 25 - Rangka Rancangan Berhemat Pentadbiran Korporat Pengeluar Insurans dan keperluan latihan seperti yang dikemukakan dalam BNM JPI13/2003 - Piawaian Pentadbiran Korporat, Jabatan Audit Dalam telah menyediakan buku panduan yang mengandungi gambaran keseluruhan tentang Syarikat khususnya dan industri insurans umumnya, yang perlu diketahui oleh Pengarah. Ia menjadi rujukan utama berhubung industri insurans Malaysia dan operasi Syarikat secara keseluruhannya bagi Pengarah yang baru dilantik dan yang sedia ada.

Latihan para Pengarah

Para Pengarah digalakkan untuk menghadiri program pendidikan dan seminar berterusan untuk mengetahui perkembangan semasa kedudukan pasaran dan mereka diberikan maklumat mengenai program dan seminar berkaitan dari semasa ke semasa. Sejajar dengan keperluan piawaian pentadbiran korporat, Syarikat telah mewujudkan polisi bertulis bagi program induksi dan pendidikan untuk para Pengarah.

Kenyataan tanggungjawab Pengarah

Seperti terkandung di dalam Akta Syarikat 1965, para Pengarah dikehendaki menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun yang disediakan berdasarkan piawaian perakaunan yang dipersetujui serta mengemukakan pandangan yang benar dan adil mengenai kedudukan Syarikat pada akhir tahun serta keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun berkenaan. Dalam menyediakan penyata kewangan berkenaan, para Pengarah:

- Telah memilih polisi-polisi perakaunan yang bersesuaian dan menggunakannya secara berterusan;
- Membuat penilaian dan anggaran yang munasabah dan berhemat;
- Memastikan semua piawaian-piawaian perakaunan yang digunakan telah dipatuhi; dan
- Menyediakan penyata-penyata kewangan secara berterusan memandangkan para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, dengan persoalan bahawa Syarikat mempunyai sumber-sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasi di masa hadapan.

Para Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan Syarikat memiliki rekod-rekod perakaunan yang memperlihatkan ketepatan kedudukan kewangan mereka yang munasabah dan membolehkan mereka memastikan bahawa penyata-penyata kewangan berkenaan mematuhi Akta Syarikat 1965.

Para Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk bertindak sedemikian sebagai sesuatu yang bersesuaian bagi melindungi aset-aset Syarikat serta menghalang dan mengesan penipuan dan perkara-perkara luar biasa yang lain.

Laporan Pengarah (sambungan)

Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”)

Pada setiap AGM, pihak Lembaga mengemukakan kemajuan dan prestasi perniagaan serta menggalakkan para pemegang saham untuk mengambil bahagian di dalam sesi soal jawab. Pengarah eksekutif dan, mengikut kesesuaian, Pengerusi Jawatankuasa Audit, Pencalonan, Ganjaran, Pengurusan Risiko, Eksekutif, Tuntutan dan Pengunderaitan dan Pelaburan bersedia memberi maklum balas kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh para pemegang saham sepanjang mesyuarat berkenaan.

Pelaporan kewangan

Dalam mengemukakan penyata-penyata kewangan tahunan, para Pengarah mengemukakan satu penilaian yang seimbang dan boleh difahami berhubung kedudukan dan jangkaan Syarikat.

Kontrak-kontrak penting

Tiada kontrak-kontrak penting (yang bukan kontrak yang disertai di dalam urusan biasa perniagaan) yang disertai Syarikat membabitkan kepentingan para Pengarah dan para pemegang saham, sama ada masih wujud pada akhir tahun berkenaan atau disertai sejak akhir tahun sebelum ini.

Pertanggungjawaban umum

Syarikat mematuhi peruntukan berhubung polisi-polisi di bawah Bahagian XII dan XV Akta Insurans 1996. Setiap kakitangan dan tenaga kerja agensi juga dikehendaki mematuhi Kod Etika dan Amalan, Persatuan Insurans Am Malaysia (“PIAM”) apabila berurusan dengan para pelanggan.

Orang ramai diberi maklumat mengenai cara rayuan terhadap amalan-amalan atau keputusan-keputusan Syarikat. Satu kontrak polisi yang dikeluarkan kepada mana-mana pemegang polisi mengandungi pemberitahuan bertulis mengenai kewujudan Biro Perkhidmatan Pelanggan Bank Negara Malaysia (“CSB”). Sebagai tambahan, notis mengenai maklumat yang sama dipamerkan di ibu pejabat dan semua cawangan Syarikat. Surat Syarikat kepada mana-mana pihak yang menuntut berhubung penolakan sesuatu tuntutan turut menyertakan maklumat rayuan yang sama yang dikemukakan kepada IMB dan CSB.

Kawalan dalaman dan pengurusan risiko operasi

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawabnya untuk sistem kawalan dalaman dan untuk mengkaji keberkesanannya dalam Syarikat. Sistem ini direka bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi, kawalan dalaman termasuk pelaporan kewangan serta mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan. Ia merupakan tanggungjawab utama Lembaga Pengarah untuk menentukan strategi dan polisi bagi risiko dan kawalan, sementara pengurusan bertanggungjawab untuk merekabentuk, mengendalikan dan memantau proses pengurusan risiko dan kawalan bagi melaksanakan polisi Lembaga Pengarah secara berkesan.

Kawalan dalaman diwujudkan setelah keseluruhan persekitaran kawalan dipertimbangkan bersama penilaian wajar risiko berkaitan dan mekanisme pemantauan yang berkesan. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk menyedari bahawa sebarang sistem kawalan hanya boleh memberikan jaminan munasabah dan bukan jaminan sebenar terhadap sebarang risiko kerugian. Objektif sistem kawalan dalaman bukanlah untuk mengetepikan risiko sepenuhnya, tetapi untuk membolehkan Syarikat mencapai matlamat korporatnya dalam lingkungan profil risiko terurus. Keberkesanan kawalan dalaman harus dikaji semula dalam konteks ini.

Para Pengarah dan pengurusan kanan Syarikat berkewajipan untuk mengekalkan budaya kesedaran kawalan terhadap keseluruhan bahagian operasi. Syarikat menempatkan mekanisme Pertanggungjawaban Pengurusan dan Pelaporan Pengecualian di mana keputusan-keputusan dikawal selia setiap bulan manakala pengecualian diselidiki bagi memastikan rancangan tindakan peningkatan dilaksanakan secara cekap dan berkesan.

Pada tahun 2003, fokus terhadap risiko dan polisi pengurusan risiko bermula dari tahap pengurusan paling kanan Syarikat. Lembaga Pengarah meluluskan pengambilan konsultan untuk memperkenalkan pendekatan baru dalam menguruskan risiko dengan menggunakan Rangka Rancangan Pengurusan Risiko Perusahaan (“ERM”). ERM membantu mendapatkan dan menentukan mekanisme fleksibel untuk menangani kategori risiko utama, yang bersifat strategik dan boleh dikendalikan.

Laporan Pengarah (sambungan)

Kawalan dalaman dan pengurusan risiko operasi (sambungan)

Sejajar dengan keperluan Piawaian Pentadbiran Korporat BNM, Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah ("RMCB"). Seterusnya, RMCB mewujudkan satu Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengurusan ("RMCM"). Kedua-duanya mempunyai bidang tugas masing-masing yang secara khusus memperincikan objektif dan tugas serta tanggungjawab dalam mempertingkatkan kualiti pentadbiran dan pengurusan risiko dalam Syarikat. RMCM akan mengawasi pengurusan risiko di tahap pengurusan risiko kanan setiap hari dan melaporkan penilaian pentadbiran dan pengurusan risiko Syarikat kepada RMCB, secara kerap.

Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") mengambil peranan Ketua Pegawai Risiko ("CRO"), yang bertanggungjawab melaksanakan Rangka Rancangan Pengurusan Risiko dan aplikasi berterusannya, dan bagi memastikan penjajaran perniagaan dan polisi serta strategi risiko. Seterusnya, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit mengkaji semula keberkesanan kawalan dalaman secara tetap.

Mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko yang dihadapi oleh Syarikat ini adalah proses yang dilakukan secara berterusan. Ciri-ciri utama proses berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Pengunderaitan
Syarikat ini mengadakan kawalan terhadap pendedahan pengunderaitan yang merangkumi kedua-dua risiko yang diterima dan diinsurans semula. Had pendedahan diteliti mengikut keperluan.
- (b) Prosedur Kawalan Kewangan
Kawalan-kawalan terperinci dinyatakan di dalam buku panduan prosedur setiap unit operasi.
- (c) Kedudukan kewangan
Rancangan perniagaan dan belanjawan tahunan diserahkan kepada pihak Lembaga pada awal setiap tahun kewangan untuk persetujuan mereka. Sebagai sebahagian daripada penelitian prestasi dari semasa ke semasa, laporan-laporan kewangan berkenaan dihantar kepada pihak Lembaga untuk diteliti pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Laporan-laporan tersebut merangkumi semua operasi utama dan menyediakan satu asas yang baik bagi membolehkan pihak Lembaga menilai prestasi kewangan Syarikat dan mengenal pasti masalah-masalah yang berkemungkinan dihadapi oleh Syarikat.
- (d) Pelaburan
Bidang tugas Jawatankuasa Pelaburan dan Ketua Jabatan Pelaburan, polisi-polisi dan garis-garis panduan pelaburan serta struktur dan proses membuat keputusan pelaburan ditakrifkan dengan jelas di dalam buku panduan Jabatan Pelaburan. Prestasi dana pelaburan dan laporan pendedahan ekuiti adalah antara laporan-laporan yang dihantar kepada Jawatankuasa Pelaburan untuk penelitian mereka sewaktu mesyuarat. Had-had pelaburan dipantau secara berterusan untuk memastikan ia mematuhi spesifikasi aset-aset yang diterima mengikut Seksyen 46 (2), Akta Insurans 1996.
- (e) Sistem Maklumat
Jawatankuasa Pengendali IT di mana ahlinya diwakili oleh pihak pengurusan kanan Syarikat ini dan Ketua Jabatan IT dan Audit Dalaman bertanggungjawab untuk mengenal pasti keperluan IT Syarikat ini. Keperluan Garispanduan BNM berhubung Kawalan Keselamatan EDP (JPI/GPI 7) telah dipenuhi.
- (f) Tuntutan
Syarikat ini mengadakan kawalan terhadap perbelanjaan tuntutan. Pengagihan peruntukan dikaji setiap tahun.
- (g) Audit Dalaman
Syarikat ini mempunyai Jabatan Audit Dalaman yang membantu Jawatankuasa Audit Dalaman melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Fungsi audit dalaman adalah melaksanakan audit secara keseluruhan membabitkan sistem kawalan dalaman Syarikat ini secara berterusan. Pelan audit tahunan, laporan audit dan tindakan susulan atas pelbagai pemerhatian audit adalah dikaji semula oleh Jawatankuasa Audit.

Laporan Pengarah (sambungan)

Kawalan dalaman dan pengurusan risiko operasi (sambungan)

Tugas Audit Dalaman meliputi semua unit dan operasi di dalam Syarikat dengan penekanan utama diberikan kepada perkara penting seperti pengunderaitan, tuntutan dan unit-unit berisiko tinggi yang lain. Kekerapan audit bergantung kepada profil risiko perniagaan atau unit operasi manakala unit berisiko tinggi diaudit sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setahun. Fungsi audit dalaman ini selaras dengan keperluan yang ditetapkan dalam BNM JPI/GPI 13 berhubung Piawaian Audit Minimum untuk Juruaudit Dalaman Institusi Kewangan, yang menggariskan kepentingan pengurusan meningkatkan fungsi audit dalaman bagi membolehkan juruaudit dalaman memainkan peranan yang lebih proaktif dan berkesan dalam membantu Syarikat mencapai pertumbuhan yang mantap.

Rancangan audit meliputi penelitian terhadap kecukupan antara lain membabitkan pengurusan risiko, kawalan-kawalan operasi, mematuhi undang-undang dan peraturan, kualiti aset, pengurusan kecekapan dan tahap perkhidmatan pelanggan. Rancangan audit dibentuk berdasarkan risiko perniagaan dan risiko kawalan yang wujud dalam setiap unit operasi dan kepentingan kewangan mereka.

Fungsi audit dalaman dikendalikan secara meluas berdasarkan asas Syarikat bagi memastikan persekitaran kawalan serta applikasi polisi dan prosedur yang berterusan. Pendekatan yang sistematik dan berdisiplin digunakan untuk menyediakan penelitian yang bebas dan objektif.

Semua laporan audit telah dikeluarkan dalam tempoh satu setengah bulan daripada audit yang sudah disiapkan. Salinan laporan-laporan itu diserahkan kepada pegawai pengurusan berkaitan dan ahli-ahli Jawatankuasa Audit. Seajar dengan Pekeliling BNM JP3/2/99, laporan audit juga diserahkan kepada BNM.

Saiz tenaga kerja audit dalaman terdiri daripada 17 ahli professional. Melangkah ke hadapan, menerusi program pendidikan dan latihannya, jabatan berkenaan akan terus meningkatkan teknik pengauditan berdasarkan risiko, meningkatkan tahap kepakaran kakitangan dan menempatkannya di kalangan amalan terbaik sedunia di dalam pengauditan dalaman.

Jawatankuasa Lembaga

Terdapat tujuh (7) Jawatankuasa Lembaga, terdiri daripada Audit, Pencalonan, Ganjaran, Pengurusan Risiko, Eksekutif, Tuntutan & Pengunderaitan dan Pelaburan.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit membantu ahli Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tugasnya untuk mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang tepat bagi melindungi aset-aset Syarikat. Ia bertanggungjawab untuk meneliti polisi-polisi perakaunan, penilaian kawalan dalaman dan menentukan tindakan pembetulan bersesuaian yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang (1) Pengarah bukan-eksekutif dan dua (2) Pengarah bebas bukan-eksekutif daripada Lembaga.

Ahli-Ahli

Dato' Mohd Nor Mohamad
George Isac Pereire
Cheah Yoke Phow

Status Pengarah

Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bebas bukan-eksekutif
Pengarah bebas bukan-eksekutif

Bilangan mesyuarat dan kehadiran bagi tahun berkenaan adalah seperti berikut:

Ahli-ahli Jawatankuasa

Cheah Yoke Phow*
Dato' Mohd Nor Mohamad
George Isac Pereire

Bilangan Mesyuarat

<u>Diadakan</u>	<u>Dihadiri</u>
8	8
8	8
8	8

* Pengerusi

Nota: Semua mesyuarat diadakan sebelum 31 Mac 2004

Laporan Pengarah (sambungan)

Jawatankuasa Audit (sambungan)

Sepanjang tahun berkenaan, Jawatankuasa tersebut telah memenuhi tanggungjawabnya seperti diperlukan di bawah bidang tugasnya. Berikut adalah ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa berkenaan:

- (a) Mengkaji dan meluluskan rancangan audit tahunan Jabatan Audit Dalaman, termasuk belanjawan, keperluan sumber dan latihannya.
- (b) Mengkaji kaedah yang digunakan oleh Jabatan Audit Dalaman dalam menilai tahap risiko pelbagai bahagian yang boleh diaudit dan memastikan penekanan terhadap audit diberikan kepada bahagian berisiko tinggi;
- (c) Memantau prestasi perkembangan Jabatan Audit Dalaman dalam menyelesaikan Rancangan Audit Tahunannya;
- (d) Mengkaji kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan, pelaporan dan pengurusan risiko bagi memastikan terdapat suatu kaedah yang sistematik dalam mengenal pasti, menilai dan mengawal bahagian yang berisiko;
- (e) Mengkaji dan membincangkan laporan Jabatan Audit Dalaman, BNM dan lain-lain pihak luaran, serta mengarahkan pihak pengurusan untuk mengambil tindakan yang diperlukan. Jawatankuasa tersebut juga melakukan susulan berhubung isu utama yang dibangkitkan di dalam laporan;
- (f) Mengkaji dan membincangkan kedudukan kewangan dan kawalan-kawalan dalaman Syarikat bersama pengaudit luaran; dan
- (g) Semua minit mesyuarat Jawatankuasa Audit dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga berikutnya.

Semua aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit telah dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia bagi mematuhi keperluan JPI/GPI 25. Jawatankuasa tersebut juga meneliti bidang tugas yang dilakukan oleh pengaudit luaran.

Jawatankuasa Pencalonan

Dalam tahun tinjauan, Lembaga Pengarah meluluskan untuk menerima bidang tugas untuk Jawatankuasa sejajar dengan keperluan Piawaian Pentadbiran Korporat BNM dan keperluan amalan terbaik, perkara A3, Prinsip 3 BNM JPI/GPI 25.

Ahli-ahli

Dato' Maznah Abdul Jalil
David Chan Mun Wai
Cheah Yoke Phow
George Isac Pereire

Status Pengarah

Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bebas bukan-eksekutif
Pengarah bebas bukan-eksekutif

Bilangan mesyuarat dan kehadiran bagi tahun berkenaan adalah seperti berikut:

Ahli-ahli Jawatankuasa

Cheah Yoke Phow*
Dato' Maznah Abdul Jalil
David Chan Mun Wai
Dato' Mohd Nor Mohamad**
George Isac Pereire

Bilangan Mesyuarat

<u>Diadakan</u>	<u>Dihadiri</u>
2	2
2	2
2	1
2	1
2	2

* Pengerusi

** Dilantik pada Disember 2003

Nota: Semua mesyuarat diadakan sebelum 31 Mac 2004

Laporan Pengarah (sambungan)

Jawatankuasa Pencalonan (sambungan)

Bidang tugas:

Fungsi Jawatankuasa ialah:

- (a) Mewujudkan keperluan minimum bagi Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif untuk menjalankan tanggungjawab dengan berkesan dan mengawasi komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah dari segi saiz dan kemahiran yang sesuai, keseimbangan di antara Pengarah eksekutif, bukan eksekutif dan Pengarah bebas;
- (b) Mencadangkan dan menilai pencalonan untuk Pengarah, pelbagai keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan juga pencalonan untuk kedudukan Ketua Eksekutif. Ini termasuk menilai para Pengarah dan Ketua Eksekutif yang dicadangkan untuk perlantikan semula, sebelum permohonan kelulusan diserahkan kepada BNM;
- (c) Mewujudkan mekanisme untuk penilaian rasmi dan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, sumbangan setiap Pengarah terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Eksekutif;
- (d) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah berhubung pemindahan pegawai kanan yang penting daripada Lembaga Pengarah/pengurusan sekiranya jelas terbukti Pengarah/Ketua Eksekutif berkenaan didapati tidak cekap, menyeleweng atau cuai dalam menjalankan tanggung jawabnya;
- (e) Memastikan semua ahli Lembaga Pengarah menjalani program induksi yang sewajarnya dan menerima latihan berterusan;
- (f) Mengawasi perlantikan, rancangan penggantian dan penilaian prestasi pengurusan pegawai kanan, dan mencadangkan penyingkiran pegawai kanan kepada Lembaga Pengarah sekiranya mereka didapati tidak cekap, menyeleweng atau cuai dalam menjalankan tanggungjawab mereka;
- (g) Memperincikan perkara berhubung aktiviti-aktiviti Jawatankuasa untuk diterbitkan dalam Laporan Tahunan Syarikat.

Jawatankuasa Ganjaran

Semua ahli Jawatankuasa berkenaan adalah para Pengarah bukan-eksekutif yang bebas daripada pihak pengurusan. Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab dalam menentukan dan bersetuju dengan pihak Lembaga berhubung rangka kerja atau polisi bagi ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Syarikat ini, dan lain-lain kakitangan Syarikat. Bidang tugas Jawatankuasa ini telah dipertingkatkan pada tahun 2003 selaras dengan keperluan Piawaian Pentadbiran Korporat BNM yang dinyatakan dalam Pekeliling BNM JPI:13/2003.

Ahli-ahli

Dato' Maznah Abdul Jalil
Lawrence Pereira
Datuk Abdul Shukor Hassan
Cheah Yoke Phow

Status Pengarah

Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bukan-eksekutif
Pengarah bebas bukan-eksekutif

Bilangan mesyuarat dan kehadiran bagi tahun berkenaan adalah seperti berikut:

Ahli-ahli Jawatankuasa

Cheah Yoke Phow*
Dato' Maznah Abdul Jalil
Lawrence Pereira
Datuk Abdul Shukor Hassan

Bilangan Mesyuarat

<u>Diadakan</u>	<u>Dihadiri</u>
3	2
3	3
3	2
3	3

* Pengerusi

Nota: Semua mesyuarat diadakan sebelum 31 Mac 2004

Laporan Pengarah (sambungan)

Jawatankuasa Ganjaran (sambungan)

Bidang tugas:

Fungsi Jawatankuasa ialah:

- (a) Mencadangkan rangka rancangan ganjaran untuk Pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama. Polisi ganjaran mestilah:
 - (i) Didokumenkan dan diluluskan oleh seluruh Lembaga Pengarah dan sebarang perubahan padanya adalah tertakluk kepada sokongan seluruh Lembaga Pengarah;
 - (ii) Mencerminkan pengalaman dan tahap tanggungjawab setiap Pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama;
 - (iii) Cukup untuk menarik perhatian dan mengekalkan para Pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama yang berkaliber dan diperlukan untuk menguruskan Syarikat dengan jayanya; dan
 - (iv) Seimbang dengan keperluan untuk memastikan dana Syarikat tidak digunakan untuk memberi subsidi pakej ganjaran secara berlebihan.
- (b) Mencadangkan pakej ganjaran khusus untuk para Pengarah, Ketua Eksekutif dan pegawai kanan utama. Pakej ganjaran mestilah:
 - (i) Berdasarkan suatu pertimbangan objektif dan diluluskan oleh seluruh Lembaga Pengarah.
 - (ii) Menjalankan pertimbangan wajar atas penilaian Jawatankuasa Pencalonan berkenaan dan juga keberkesanan dan sumbangan Pengarah, Ketua Eksekutif atau pegawai kanan utama yang berkaitan;
 - (iii) Tidak diputuskan melalui budi bicara seorang individu atau kumpulan terhadap individu; dan
 - (iv) Berdaya saing dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.
- (c) Memastikan pakej ganjaran untuk Pengarah eksekutif distrukturkan untuk menghubungkan ganjaran dengan prestasi korporat dan individu bagi menggalakkan tahap prestasi yang tinggi. Hubungan ganjaran dengan prestasi tidak memperuntukkan insentif bagi kelakuan tidak bertanggungjawab dan melampaui batas.
- (d) Memastikan pakej ganjaran untuk Pengarah bukan eksekutif dan Pengarah bebas dihubungkan dengan tahap tanggungjawab dan sumbangan secara efektif kepada Lembaga Pengarah.
- (f) Memperincikan perkara berhubung aktiviti-aktiviti Jawatankuasa untuk diterbitkan dalam Laporan Tahunan Syarikat.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Pada 27 Julai 2003, Lembaga Pengarah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ('RMC') di tahap Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini mengawasi penetapan rangka rancangan pengurusan risiko dan untuk mengenal pasti serta melaksanakan pelan tindakan untuk menangani risiko utama yang menjejaskan Syarikat.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah menubuhkan dan menerima bidang tugas bagi Jawatankuasa, selaras dengan Pekeliling BNM JPI:13/2003 berhubung Piawaian Pentadbiran Korporat. Selepas penubuhan Jawatankuasa berkenaan, ia melantik konsultan untuk membantu Syarikat menubuhkan Rangka Rancangan Pengurusan Risiko Perusahaan ("ERM"). Jawatankuasa Pemandu Projek diwujudkan untuk memudahkan penubuhan Rangka Rancangan ERM. RMC turut menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko pihak Pengurusan untuk melaksanakan dan memantau rangka rancangan ERM pada tahap pengurusan selepas projek selesai.

Laporan Pengarah (sambungan)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (sambungan)

<u>Ahli-ahli</u>	<u>Status Pengarah</u>
David Chan Mun Wai	Pengarah bukan-eksekutif
Dato' Mohd Nor Mohamad	Pengarah bukan-eksekutif
Datuk Abdul Shukor Hassan	Pengarah bukan-eksekutif
George Isac Pereire	Pengarah bebas bukan-eksekutif

Bilangan mesyuarat dan kehadiran bagi tahun berkenaan adalah seperti berikut:

<u>Ahli-ahli Jawatankuasa</u>	<u>Bilangan Mesyuarat</u>	
	<u>Diadakan</u>	<u>Dihadiri</u>
George Isac Pereire*	5	5
David Chan Mun Wai	5	5
Dato' Mohd Nor Mohamad**	5	2
Datuk Abdul Shukor Hassan	5	5

* Pengerusi

** Dilantik pada September 2003

Nota: Semua mesyuarat diadakan sebelum 31 Mac 2004

Bidang tugas:

Bidang tugas Jawatankuasa adalah:

- Mengkaji semula dan mencadangkan strategi dan polisi pengurusan risiko serta toleransi risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- Mengkaji semula dan menilai kecukupan polisi dan rangka rancangan pengurusan risiko untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko dan juga takat di mana semuanya beroperasi dengan berkesan;
- Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem yang memadai dan teratur untuk pengurusan risiko yang berkesan;
- Memastikan program induksi, latihan dan pendidikan pengurusan, ditujukan mengikut kesesuaian semua tahap kakitangan, diwujudkan dan dilaksanakan; dan
- Mengkaji semula laporan berkala pengurusan berkenaan pendedahan risiko, komposisi portfolio dan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa ini terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Syarikat dan sekurang-kurangnya dua (2) ahli Lembaga yang lain. Ia mengadakan perjumpaan setiap bulan untuk meneliti perkara berkaitan operasi Syarikat, yang diberi kuasa oleh pihak Lembaga dengan pihak berkuasa berkaitan untuk proses membuat keputusan yang cekap dan berkesan. Minit mesyuarat Jawatankuasa tersebut dibentangkan kepada pihak Lembaga untuk perbincangan dan penandaan.

<u>Ahli-ahli</u>	<u>Status Pengarah</u>
Dato' Maznah Abdul Jalil	Pengarah bukan-eksekutif
George Isac Pereire	Pengarah bebas bukan-eksekutif
Chan Kok Seong	Pengarah bukan-eksekutif
Hashim Harun	Pengarah eksekutif

Laporan Pengarah (sambungan)

Jawatankuasa Eksekutif (sambungan)

Bilangan mesyuarat dan kehadiran bagi tahun berkenaan adalah seperti berikut:

<u>Ahli-ahli Jawatankuasa</u>	<u>Bilangan Mesyuarat</u>	
	<u>Diadakan</u>	<u>Dihadiri</u>
Dato' Maznah Abdul Jalil*	13	13
George Isac Pereire	13	12
Chan Kok Seong	13	12
Hashim Harun	13	13

* Pengerusi

Nota: Semua mesyuarat diadakan sebelum 31 Mac 2004

Jawatankuasa Tuntutan dan Pengunderaitan

Ia terdiri daripada empat (4) ahli lembaga, salah seorang daripadanya adalah Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah. Ia bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah dan pengurusan melaksanakan secara efektif, tanggungjawab dan akauntabiliti strategik dalam bidang tuntutan dan pengunderaitan Syarikat.

Jawatankuasa tersebut perlu mengemukakan laporan bagi tempoh tertentu kepada pihak Lembaga berhubung keputusan, pemerhatian dan cadangan yang timbul daripada penelitian terhadap pertimbangan dan penetapan peraturan oleh pihak Lembaga.

Dalam melaksanakan tugasnya, Jawatankuasa tersebut perlu menyediakan hala tuju professional berhubung keadaan Syarikat dari segi tuntutan dan pengunderaitan.

<u>Ahli-ahli</u>	<u>Status Pengarah</u>
David Chan Mun Wai	Pengarah bukan-eksekutif
Lawrence Pereira	Pengarah bukan-eksekutif
Datuk Abdul Shukor Hassan	Pengarah bukan-eksekutif
Hashim Harun	Pengarah eksekutif

Bilangan mesyuarat dan kehadiran bagi tahun berkenaan adalah seperti berikut:

<u>Ahli-ahli Jawatankuasa</u>	<u>Bilangan Mesyuarat</u>	
	<u>Diadakan</u>	<u>Dihadiri</u>
Lawrence Pereira*	9	9
David Chan Mun Wai	9	8
Datuk Abdul Shukor Hassan	9	9
Hashim Harun	9	9

* Pengerusi

Nota: Semua mesyuarat diadakan sebelum 31 Mac 2004

Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa tersebut diberi kuasa oleh pihak Lembaga untuk membantu pihak Lembaga dan pengurusan di dalam melaksanakan tanggungjawab dan pertanggungjawaban strategik yang berkesan dari segi pelaburan Syarikat.

Jawatankuasa tersebut perlu mengemukakan laporan kepada pihak Lembaga Pengarah berhubung keputusan, pemerhatian dan cadangan yang timbul untuk pertimbangan dan penetapan peraturan oleh pihak Lembaga Pengarah membabitkan aktiviti pelaburan Syarikat.

<u>Ahli-ahli</u>	<u>Status Pengarah</u>
Dato' Maznah Abdul Jalil	Pengarah bukan-eksekutif
George Isac Pereire	Pengarah bebas bukan-eksekutif
Chan Kok Seong	Pengarah bukan-eksekutif
Hashim Harun	Pengarah eksekutif
Habshah Mohamed	Kakitangan pengurusan

Laporan Pengarah (sambungan)

Jawatankuasa Pelaburan (sambungan)

Bilangan mesyuarat dan kehadiran bagi tahun berkenaan adalah seperti berikut:

Ahli-ahli Jawatankuasa	Bilangan Mesyuarat	
	Diadakan	Dihadiri
Dato' Maznah Abdul Jalil*	13	13
George Isac Pereire	13	12
Chan Kok Seong**	13	12
Hashim Harun	13	13
Habshah Mohamed	13	12

* Pengerusi

** Dilantik pada Mei 2003

Nota: Semua mesyuarat diadakan sebelum 31 Mac 2004

PENGARAH-PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat sepanjang tempoh berkenaan sejak tarikh lapor yang lalu adalah:

Tan Sri Dato' Seri Mohd. Saleh Sulong (Meletakkan jawatan pada 4.9.2003)

Dato' Maznah Abdul Jalil

Dato' Mohd. Nor Mohamad

Lawrence Pereira

Datuk Abdul Shukor Hassan

George Isac Pereire

Hashim Harun

Cheah Yoke Phow

Chan Kok Seong

David Chan Mun Wai

Berdasarkan Artikel Persatuan Syarikat, Dato' Mohd. Nor Mohamad, George Isac Pereire dan Hashim Harun bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan layak menawarkan diri untuk pemilihan semula.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar Pemegangan Saham Pengarah, butir kepentingan para Pengarah dalam pemegangan saham Syarikat pada akhir tahun berkenaan, dan pemegangan saham dan waran dalam syarikat berkaitan adalah seperti berikut:

	Jumlah saham-saham biasa RM1 setiap satu			
	Pada 1.4.2003	Dibeli	Dijual	Pada 31.3.2004
Dalam Syarikat				
<u>Langsung:</u>				
George Isac Pereire	2,052,381	-	-	2,052,381
<u>Tidak langsung:</u>				
Lawrence Pereira*	9,850,000	-	-	9,850,000
Datuk Abdul Shukor Hassan**	10,003,175	-	-	10,003,175
Dalam DRB-HICOM Berhad (Syarikat Pegangan Utama)				
<u>Langsung:</u>				
Dato' Maznah Abdul Jalil	592,000	54,000	92,000	554,000
Dato' Mohd. Nor Mohamad	58,000	54,000	40,000	72,000
George Isac Pereire	74,000	-	-	74,000
Hashim Harun	-	96,000	96,000	-

Laporan Pengarah (sambungan)

KEPENTINGAN PARA PENGARAH (sambungan)

	<u>Opsyen atas saham-saham biasa RM1 setiap satu</u>			
	Pada 1.4.2003	Ditawar	Dilaksana	Pada 31.3.2004
Dalam DRB-HICOM Berhad (Syarikat Pegangan Utama)				
Dato' Mohd. Nor Mohamad	158,000	-	54,000	104,000
Dato' Maznah Abdul Jalil	158,000	-	54,000	104,000
Hashim Harun	96,000	-	96,000	-

* Dianggap mempunyai kepentingan dalam pemegangan saham Emaco Sdn Bhd yang selaras dengan Seksyen 6A(4) Akta Syarikat, 1965.

** Dianggap mempunyai kepentingan dalam pemegangan saham Salinah Enterprise Sdn Bhd yang selaras dengan Seksyen 6A(4) Akta Syarikat, 1965.

Tiada Pengarah lain yang mempunyai kepentingan dalam pemegangan saham atau debentur Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan sepanjang tahun kewangan berkenaan.

GANJARAN-GANJARAN PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun berkenaan, tiada sebarang rancangan membabitkan Syarikat bertujuan membolehkan para Pengarah Syarikat memperolehi ganjaran-ganjaran menerusi pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau badan korporat yang lain selain daripada pilihan saham diluluskan oleh syarikat pegangan utama, DRB-HICOM Berhad, kepada para Pengarah tertentu berdasarkan Skim Opsyen Saham Kakitangan.

Sejak akhir tahun sebelum ini, tiada Pengarah Syarikat yang menerima atau berhak untuk menerima sebarang ganjaran (selain dari ganjaran-ganjaran Pengarah dan imbuhan yang dinyatakan dalam nota 19 pada penyata-penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dilakukan oleh Syarikat atau syarikat berkaitan bersama Pengarah atau firma di mana Pengarah berkenaan menjadi ahli, atau bersama syarikat di mana Pengarah berkenaan mempunyai kepentingan kewangan yang ketara, kecuali bagi sebarang faedah yang dianggap mungkin diperolehi seorang Pengarah berdasarkan urusan dagangan biasa antara Kumpulan dan syarikat-syarikat di mana Pengarah terbabit mempunyai kepentingan ekuiti yang ketara.

SYARIKAT PEGANGAN TERDEKAT DAN SYARIKAT PEGANGAN UTAMA

Syarikat pegangan terdekat adalah Uni.Asia Capital Sdn. Bhd. Para Pengarah menganggap syarikat DRB-HICOM Berhad sebagai syarikat pegangan utama Syarikat. Kedua-dua syarikat diperbadankan di Malaysia.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus berkhidmat.

Bersesuaian dengan satu ketetapan Lembaga Pengarah bertarikh 25 Mei 2004.

DATO' MAZNAH ABDUL JALIL
Pengarah
Kuala Lumpur

DAVID CHAN MUN WAI
Pengarah

Kunci kira-kira pada 31 Mac 2004

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
ASET					
Hartanah, kilang dan peralatan	4	52,763	51,370	52,763	51,370
Pelaburan	5	488,427	528,054	488,427	528,054
Pinjaman	6	590	834	590	834
Jumlah dihutang oleh syarikat					
pegangan utama	30	6	-	6	-
Syarikat subsidiari	7	-	-	86	60
Syarikat bersekutu	8	-	-	-	-
Aset cukai tertunda	9	5,649	10,116	5,649	10,116
Penerimaan	10	42,288	48,872	42,286	48,870
Tunai dan baki bank		7,074	9,756	6,768	9,457
Jumlah aset		596,797	649,002	596,575	648,761
LIABILITI-LIABILITI					
Peruntukan tertunggak	11	253,570	282,975	253,570	282,975
Pembayaran	12	40,647	46,148	39,788	45,287
Tanggungjawab manfaat					
pasca guna tenaga	13	6,741	5,545	6,741	5,545
Pinjaman tidak dijamin (berserta faedah)	14	-	40,145	-	40,145
Cukai boleh bayar semasa		14,835	16,204	14,835	16,204
		315,793	391,017	314,934	390,156
Rizab premium tidak diperolehi	15	115,970	138,082	115,970	138,082
Jumlah liabiliti		431,763	529,099	430,904	528,238
EQUITY PEMEGANG SAHAM					
Modal saham	16	100,000	100,000	100,000	100,000
Rizab	17	65,034	19,903	65,671	20,523
		165,034	119,903	165,671	120,523
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang saham		596,797	649,002	596,575	648,761

Penyata pendapatan bagi tahun berakhir pada 31 Mac 2004

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2004 RM'000	2003 RM'000	2004 RM'000	2003 RM'000
Pendapatan operasi	18	337,016	365,070	337,016	365,070
Dana pemegang saham:					
Perbelanjaan pengurusan	19	(1,187)	(1,076)	(1,184)	(1,074)
Lain-lain pendapatan/ (perbelanjaan) operasi - bersih	21	55	(4)	69	(1)
Kos kewangan	22	(1,297)	(1,888)	(1,297)	(1,888)
		(2,429)	(2,968)	(2,412)	(2,963)
Lebihan yang dipindahkan daripada Akaun Pendapatan		74,222	39,007	74,222	39,007
Keuntungan sebelum cukai		71,793	36,039	71,810	36,044
Cukai	23	(21,622)	(9,696)	(21,622)	(9,696)
Keuntungan bersih pada tahun		50,171	26,343	50,188	26,348
Pendapatan sesaham (sen)	24	50.2	26.3		

Akaun pendapatan insurans am

bagi tahun berakhir pada 31 Mac 2004

	Nota	KUMPULAN/SYARIKAT				Jumlah RM'000
		Kebakaran RM'000	Kenderaan RM'000	Perkapalan, penerbangan & Transit RM'000	Pelbagai RM'000	
Premium kasar		49,644	225,904	5,638	35,500	316,686
Penginsurans semula		(32,210)	(14,877)	(3,265)	(16,803)	(67,155)
